

28/11/1998

AS tiada hak kutuk negara

Anuar Ariffin

SIKAP kurang sopan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS) Al Gore tidak menghairankan. AS selama ini menunjukkan kecenderungan campur tangan dalam urusan dalaman negara-negara lain atas alasan hak asasi manusia. Mereka sering memberi syarahan kepada negara lain terutama sekali dari Dunia Ketiga mengenai hak demokrasi dan kebebasan memberi pendapat. Tiada mana-mana pihak boleh menentang prinsip itu. Apa yang menjadi tanda tanya apakah sebuah negara seperti AS berhak mengutuk negara lain kerana mencabul hak asasi sedangkan AS sendiri berulang kali mencabuli hak asasi rakyatnya sendiri serta rakyat negara lain.

Contoh kebelakangan ini adalah pengeboman Afghanistan dan Sudan. Tindakan yang mengakibatkan kematian orang awam hanya berlandaskan bukti tipis oleh agensi CIA kononnya tempat berkenaan digunakan sebagai kem penganas Islam. Yang amat menyedihkan adalah kes pengeboman kilang kimia di Sudan. Penyiasatan oleh pihak yang berkecuali iaitu makmal di Jerman membuktikan bahawa kilang itu tidak mengeluarkan bahan kimia untuk membuat senjata kimia seperti dituduh oleh AS. Jelas sekali bahawa negara itu tidak menghiraukan langsung tindakan ganasnya akan mengakibatkan kehilangan jiwa rakyat negara asing, tambah lagi rakyat beragama Islam.

Tidakkah lebih baik sekiranya kerajaan AS berusaha memahami keadaan sebenar sebelum mengutuk Malaysia. Kata-kata kesat yang dilemparkan tidak tepat dan cuma menunjukkan kejahilan Gore terhadap keadaan sebenar di negara ini.

"Rakyat yang berani" di negara ini bukanlah segelintir rakyat yang terbabit dengan demonstrasi. Mereka ini kalau pun tidak diberi upah, terpengaruh dengan tipu helah untuk mengalihkan perhatian rakyat. Sebaliknya "rakyat Malaysia yang berani" adalah orang biasa yang bosan dengan sandiwara pengikut-pengikut gerakan 'reformasi' yang tidak bertanggungjawab dan yang mencetuskan kacau-bilau yang mengganggu kehidupan orang lain dan mengakibatkan kerugian besar kepada peniaga terutamanya peniaga kecil yang berusaha mencari makan dalam keadaan kegawatan sekarang.

Gore secara tidak langsung memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kita seorang 'diktator'. Saya ingin mengingatkan kerajaan AS bahawa orang yang digelarnya 'diktator' ini adalah seorang pemimpin yang dipilih oleh rakyat Malaysia berulang kali dalam beberapa pilihan raya yang diadakan secara bebas dan adil.

Kerajaan yang diketuai oleh Dr Mahathir tidak pernah mengerahkan angkatan tentera untuk menekan orang yang berdemonstrasi di Kuala Lumpur atau mana-mana tempat. Sebuah negara lain berbuat demikian, menyebabkan kehilangan jiwa. Tetapi negara itu tidak dikecam oleh kerajaan AS. Di negara kita tiada kehilangan nyawa berlaku akibat tindakan polis ke atas orang yang berdemonstrasi.

Oleh itu saya ingin menyarankan kepada Gore supaya membenarkan rakyat Malaysia menyelesaikan masalahnya tanpa campur tangan orang asing. Sekiranya rakyat negara ini tidak lagi suka kepada pemimpin sekarang mereka akan membuat keputusan dalam pilihan raya. Apa yang kita tidak inginkan ialah tindakan segelintir rakyat yang tidak bertanggungjawab melakukan rusuhan.